

Oleh Nurul 'Aniqah  
Sazale  
bhvarsiti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**B**idang penyelidikan dan pembangunan (R&D) berasaskan sains dan teknologi yang komprehensif antara bidang yang dikenal pasti berupaya memenuhi kehendak sektor ekonomi dan berimpak tinggi negara hari ini.

Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Prof Emeritus Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid, berkata keupayaan negara mendepani cabaran pembangunan melalui R&D menuntut intitusi pendidikan tinggi (IPT) melakukan penambahbaikan dengan menumpukan kepada kerjasama penyelidikan kukuh antara IPT dengan industri.

"Ilmu pengetahuan pada masa kini amat mudah dicapai melalui teknologi yang ada, justeru IPT perlu mengambil langkah mewujudkan platform tepat bagi menggerakkan inisiatif ini.

"Kerajaan juga sudah menghantar beberapa pelajar perubatan dan kejuruteraan untuk menjalankan pelbagai penyelidikan di Universiti Harvard dan Kolej Imperial London dengan tujuan apabila mereka pulang, ada sesuatu yang boleh disumbangkan kepada bidang pendidikan negara," katanya ketika menyampaikan ceramah pada Siri Ceramah Personaliti Unggul di Universiti UCSI (UCSI), baru-baru ini.

#### Tokoh ketiga

Prof Zakri menjadi tokoh ketiga mejayakan siri ceramah anjuran UCSI menerusi topik 'Sains dan Penyelidikan Untuk Masa Depan Malaysia Yang Terjamin: Adakah Kita Ketinggalan Sejauh Mana? Mengapa?'

Ceramah itu merupakan yang terakhir daripada tiga siri ceramah prapersidangan yang disusun bersempena dengan Persidangan Strengthening Industry-Acedemia Partnership (SIAP) UCSI.

Prof Zakri berkata, setakat ini, India dan China antara negara yang menguasai penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi, malah negara berkenaan turut melahirkan ramai penyelidik dalam bidang berkenaan.

## Zakri jayakan ceramah **Sains dan Penyelidikan** di UCSI



“  
ILMU  
PENGETAHUAN  
PADA MASA KINI  
AMAT MUDAH  
DICAPAI MELALUI  
TEKNOLOGI  
YANG ADA,  
JUSTERU  
IPT PERLU  
MENGAMBIL  
LANGKAH  
MEWUJUDKAN  
PLATFORM  
TEPAT BAGI  
MENGGERAKKAN  
INISIATIF INI”

Prof Emeritus Tan Sri  
Dr Zakri Abdul Hamid,  
Penasihat Sains kepada  
Perdana Menteri

#### INFO

##### R&D IPT

- Kerajaan menghantar pelajar perubatan dan kejuruteraan untuk menjalankan penyelidikan di Universiti Harvard dan Kolej Imperial London
- Memperkasakan STEM bagi menyediakan polisi ekonomi menarik dan relevan
- Menubuhkan Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC)
- China antara negara yang menguasai penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi

ketika ini, malah kita turut dikalahkan oleh jiran terdekat, Thailand dan Vietnam," katanya.

#### Perkasa STEM

Menyedari hal berkenaan, katanya, kerajaan mengambil langkah memperkasakan STEM bagi menyediakan polisi ekonomi menarik dan relevan dalam menghadapi apa saja cabaran.

"Banyak juga duit yang sudah dilaburkan dalam bidang ini bagi menyelesaikan masalah di dalam negara ini tetapi masih banyak juga yang perlu diperbaiki.

Katanya, inisiatif kerajaan menubuhkan Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) akan menjadi pemangkin kepada usaha transformasi negara dalam menyediakan peluang pekerjaan dalam bidang sains dan penyelidikan.

"Penubuhan GSIAC adalah untuk memberi nasihat dalam mencapai aspirasi Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, menanda aras kedudukan Malaysia dan daya saing dalam sains dan inovasi, menjana dan meningkatkan hubungan perdagangan dua hala serta nilai pelaburan," katanya.

"Kedua-dua negara juga dianggarkan akan menyumbang lebih daripada 60 peratus pekerja berlatar belakangkan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) pada tahun 2030 .

"Berbanding Malaysia, kita agak terkebelakang